

28/06/1997

Kempen antidadah kurang berkesan

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kempen antidadah yang dilancarkan lebih sedekad lalu kurang berkesan dalam membanteras penagihan kerana tidak berterusan dan tiada penyelarasan.

Sehubungan itu, Majlis Dadah Kebangsaan mengarahkan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) mencari jalan penyelesaian bagi memastikan program yang dijalankan membabitkan penyertaan golongan sasaran.

Sebelum ini, kempen itu dijalankan oleh Pasukan Petugas Antidadah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Negeri (JKKN), di setiap negeri hingga Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) ditubuhkan Februari tahun lalu.

Ketua Pengarah ADK Kementerian Dalam Negeri, Datuk Yaacob Mohd Amin, berkata pihaknya akan mengubahsuai 17 Pusat Jagaan Lanjutan di beberapa negeri sebagai Pusat Khidmat bagi meningkatkan program membanteras penagihan dadah.

Pengurusan pusat itu akan menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada golongan sasaran, bekerjasama dengan ketua kampung dan pegawai pendidikan daerah serta Pertubuhan Bukan Kerajaan dan melaksanakan kempen secara berterusan.

Pusat itu dijangka beroperasi tidak lama lagi dan sekiranya program berkenaan berkesan menyedarkan masyarakat terhadap keburukan dadah, ia akan diperluas ke seluruh negara.

"Kami akui kempen sebelum ini tidak sampai ke peringkat bawah kerana tiada penyelarasan. Bagaimanapun, dengan penubuhan pusat itu, kami jangkakan kempen akan lebih berkesan," katanya kepada Berita Harian, di pejabatnya di sini, hari ini.

Kempen memerangi musuh nombor satu negara itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Februari 1983. Sehingga tahun lalu, seramai 127,119 penagih aktif dikesan di seluruh negara.

Tahun lalu, seramai 13,846 penagih baru dikesan, manakala 16,752 penagih berulang. Daripada 13,846 itu, 50.9 peratus berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran, manakala 24.2 peratus mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia.

Yaacob berkata, bagi memastikan pusat khidmat itu mencapai matlamat, pegawai ADK negeri dan daerah akan menjalani kursus tiga hari bulan depan di Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Pegawai berkenaan akan didedahkan dengan aspek pencegahan, khidmat kaunseling dan aktiviti yang bakal dilaksanakan. Mereka juga akan dibekalkan dengan maklumat mengenai kegiatan penagihan dadah di kawasan masing-masing," katanya.

Menurutnya, ADK juga dalam proses mencetak 200,000 buku yang mengandungi pelbagai maklumat mengenai dadah seperti jenis dadah dan cara pencegahan untuk diedarkan secara percuma ke sekolah di seluruh negara.

Beliau berkata, usaha mengeluarkan buku berkenaan dilakukan selepas mendapat maklum balas yang menyatakan ada guru yang tidak mendapat gambaran jelas mengenai dadah, dari segi jenis dan kesannya.

(END)